

NGO Jerman kurnia Lat anugerah khas

Perkenalkan budaya Malaysia di mata dunia

Oleh Anwar Hussin
anwarhussin@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Mohammad Nor Khalid atau Lat (gambar) menerima penghormatan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Jerman apabila diberikan anugerah khas di atas sumbangan luar biasanya mempromosikan budaya tempatan di arena antara bangsa.

Anugerah daripada 'German-Malaysia Society' itu disampaikan Duta Besar Malaysia di Jerman, Datuk Zakaria Sulong, kepada Lat pada 21 Oktober lalu.

Lat menaikkan nama negara apabila buku *Kampung Boy* karyanya diterjemahkan ke bahasa Jerman, menjadikan sembilan negara sudah menterjemahkan buku itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), Mohd Khair Ngadiron, berkata anugerah khas diberikan ke-

pada Lat berikutan penghargaan masyarakat Jerman yang memandang tinggi bakat yang ada padanya terutama karyanya yang dianggap unik dan bersifat universal.

Justeru katanya, negara itu menerusi institusi kebudayaannya, Goethe-Institut Malaysia, mengusulkan supaya buku *Kampung Boy* diterjemahkan ke ba-



Kampung Boy mendapat sambutan luar biasa pengunjung di Frankfurt Book Fair dan turut mendapat liputan daripada media Jerman"

**Mohd Khair
Ngadiron**

Ketua Pegawai Eksekutif ITNM

hasa Jerman.

Katanya, ITNM mengambil peluang menterjemahkan buku itu dan melancarkan pada 16 Oktober lalu di Frankfurt Book Fair, pesta buku terbesar dunia yang diadakan selama lima hari bermula 15 Oktober.

Beliau berkata, *Kampung Boy* mendapat sambutan luar biasa daripada pengunjung di pesta buku itu dan turut mendapat liputan daripada media di Jerman.

"Penyertaan kita di Frankfurt Book Fair 2008 juga berjaya mempromosi Malaysia kerana ia dihadiri kira-kira 7,000 pempamer dari lebih 100 negara selain liputan oleh lebih 11,000 wartawan pelbagai media dari 66 negara," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mohd Khair berkata, penyertaan Malaysia di pesta buku itu dan penganugerahan kepada Lat itu boleh disaksikan rakyat negara ini melalui rancangan *Majalah*



Tiga yang disiarkan di TV3, malam ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Ali-muddin Mohd Dom, berkata usaha sama ITNM dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bagi menyertai pesta buku itu dipuji kerana ia secara langsung akan memperkenalkan bahasa dan budaya Malaysia melalui karya tempatan.

Beliau berkata, sudah tiba masanya usaha dilakukan bagi membawa dan memperkenalkan karya tempatan kepada dunia, serentak dan selari dengan cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Sebagai contoh, Lat berjaya memperkenalkan Malaysia di mata dunia sehingga masyarakat luar berminat untuk mengetahui mengenai negara ini termasuk budayanya," katanya yang turut hadir di pesta buku berkenaan.